

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 27 JANUARI 2023  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 6

## Program TVET distruktur semula elak pembaziran

### Program TVET distruktur semula elak pembaziran

Kuala Lumpur: Kementerian Belia dan Sukan (KBS) mahu Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) distruktur semula supaya kursus yang dilaksanakan itu lebih berfokus se kali gus mengelak pembaziran wang kerajaan.

Menterinya, Hannah Yeoh, berkata disebabkan program TVET itu dilaksanakan oleh pelbagai kementerian, ia memberi keleluaran kepada pemain industri selain kebanyakan kursus ditawarkan tidak lagi relevan dengan minat anak muda kini.

"Setiap kementerian mempunyai program, masing-masing dan bila mereka jamin latihan, ia memberikan kekeliruan kepada pemain industri kerana tidak dapat membekalkan siapa yang terlebih dahulu tamat latihan serta pemberian gaji kepada individu berkewangan."

"Oleh itu, KBS akan bekerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia (KSM) untuk memstruktur semula TVET dan tidak perlu semua kementerian membuat program masing-masing kerana ia akan menjadikannya program ini tidak terurus, tidak berfokus serta banyak pembaziran.

"Contohnya, satu kementerian memerlukan RM50 juta untuk menaik taraf program, namun pengambilan pelajaranya tidak maksimum dan dari segi itu terdapat juga pembaziran pada isu tenaga kerja," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada sidang media selepas merasmikan Majlis Perundungan Belia Negara Sidang Kedua, pengal ke-33 bagi sesi 2021-2022, di Pusat Belia Antarabangsa, semalam.

Yang turut hadir Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Adam Adli Abd Halim.

Mengulas lanjut, Hannah yang juga Ahli Parlimen Segambut berkata, kursus yang ditawarkan dalam program itu juga berkelebihan tidak lagi relevan dengan jiwa anak muda yang mahukan masa kerja lebih fleksibel atau meminati ekonomi gigi.

"Dengan adanya ekonomi gigi, belia kini lebih pentingkan masa kerja yang fleksibel dan memberi pandangan berbeza kepada mereka untuk melihat program TVET ini."

"Kalau tanya anak-anak sekarang, ramai daripada mereka kini lebih minat menjadi youtuber mahupun pengpengaruh (*influencer*), jadi kalau kita masih tawarkan kursus yang tidak menarik perhatian golongan muda ini, kita tidak dapat penyerahan yang menyeluruh daripada golongan ini," katanya.